

MENGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN: LATIHAN 9

ARAHAN: Gantikan frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini dengan sepatah perkataan yang sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Hana yang terlalu asyik menumpukan perhatiannya untuk selesaikan kerja projeknya sejak pagi tadi, tidak sedar senja hampir menjelang.
(1) khayal (2) khusus
(3) lazim (4) tekun ()
- 2 Kami sedarjah melawat ke rumah Zainal untuk menyampaikan ucapan rasa sedih dan simpati kepadanya kerana kematian ayahnya.
(1) insaf (2) kesal
(3) tahniah (4) takziah ()
- 3 Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dibenarkan masuk ke taman haiwan itu dengan tidak dikenakan apa-apa bayaran pada Hari Kanak-kanak.
(1) bebas (2) istimewa
(3) percuma (4) sedikit ()
- 4 Lebih daripada 50 orang pegawai kerajaan beruniform telah menerima hadiah untuk mengenang jasa daripada Timbalan Perdana Menteri kerana bakti mereka semasa rusuhan yang berlaku pada bulan lepas.
(1) anugerah (2) biasiswa
(3) pampasan (4) pujian ()
- 5 Pemerintah telah menjangkakan lebih daripada sepuluh tahun diperlukan untuk siapkan lapangan terbang yang akan dibina ditapak tanah tambak di laut itu.
(1) seabad (2) sedekad
(3) sejarah (4) sekurun ()
- 6 Azim, bekas seorang yang ditahan di dalam penjara perlukan bantuan sebuah badan kebajikan untuk mendapatkan pekerjaan setelah dibebaskan.
(1) banduan (2) peguam
(3) pengganas (4) penjahat ()
- 7 Pak Kadir bekerja keras siang dan malam untuk mencari wang yang diperlukan untuk kehidupan bagi menanggung keluarganya.
(1) cengkeram (2) nafkah
(3) pampasan (4) untung ()
- 8 Encik Idris tinggal bersama isterinya dan kedua-dua ibu bapa isterinya kerana belum mampu membeli rumahnya sendiri.
(1) ipar (2) menantu
(3) mertua (4) sepupu ()

9. Saya terfikir-fikir dari mana bunyi seruling yang kurang jelas pendengaran itu datang pada tiap-tiap malam Jumaat.
 (1) gelap (2) kabur
 (3) pucat (4) sayup ()
10. Dua orang pemuda telah menahan seorang pencuri yang menyeluk saku orang lain di dalam bas itu sehingga ketibaan polis.
 (1) pencopet (2) penculik
 (3) peragut (4) perompak ()
11. Pemimpin gerombolan penjahat dan beberapa orang-orang yang dengar dan jalankan arahnya kerap mengganas di kampung itu.
 (1) penganut (2) pengedar
 (3) pengemis (4) pengikut ()
12. Sebuah bangunan baru yang telah siap dibina untuk dijadikan tempat di mana barang-barang purba dipamerkan akan dibuka kepada orang ramai pada minggu depan.
 (1) dewan (2) makmal
 (3) muzium (4) pawagam ()
13. Budak kecil itu berdiri dengan hujung jari kakinya berjejak ke lantai untuk mendapatkan botol gula-gula yang terletak di para-pra itu.
 (1) berjengket (2) berlonjak
 (3) berlutut (4) bertumit ()
14. Setelah pisang-pisang yang terlalu masak itu ditekan-tekan hingga lumat, Mak Mah bubuh tepung dan gula untuk buat jemput-jemput kegemaran suaminya.
 (1) diadun (2) digaul
 (3) dilenyek (4) diuli ()
15. Jiran-jirannya tidak mahu bergaul dengan Mak Limah yang suka mengeluarkan kata-kata yang menghina orang-orang lain.
 (1) mencaci (2) menghasut
 (3) mengkhianat (4) menyumpah ()